

KITA & BAHASA

Oleh
Mohd Tarmizi Hasrah
mijihrasah@gmail.com

I

“Manusia adalah haiwan yang berkata-kata”. Sebuah diktum yang berkumandang sejak Aristotle lagi. Melampaui sempadan geopolitik dan kebudayaan, seakan-akan sejagat, gema itu, umpamanya, singgah di tangan al-Farabi, juga Ibn Sina. Kesejagatan sifatnya itulah barangkali membuatnya sukar untuk ditolak ke sisi, dibiarkan bersendirian. Dengan berkata-kata manusia dikenal unik, menjarakkan dirinya daripada makhluk-makhluk lain—sebuah ‘jarak’ yang bersifat menegak, bukan mendatar. Benar, ada makhluk lain yang boleh berkata-kata. Mereka berkata-kata dalam bahasa mereka sendiri. Bagaimana bahasanya, tiadalah pasti, walaupun ada cubaan daripada para psikolinguis merungkai bahasa lebah, ikan lumba-lumba, dan yang paling terkenalnya bahasa cimpanzi—pernah perungkaian bahasa cimpanzi menjadi suatu ejekan kepada Noam Chomsky sehingga para pengkajinya menamakan cimpanzi itu Nim Chimsky, seakan-akan nama Chomsky. Uniknyanya berkata-kata manusia tiada sama dengan berkata-kata makhluk yang lain itu.

Bukti keunikan berkata-kata/berbahasa manusia telah banyak dikemukakan oleh para ahli falsafah dan para bahasawan/nahuwan. Jadi, untuk awal-awal ini pemaparan satu bukti sahaja sudah pun mencukupi. Barangkali ini adalah bukti yang agak terkenal, terutamanya dalam tradisi Cartesian. Ini mengikut pentafsiran Chomsky.¹ Berkata-kata manusia, dalam tradisi itu, dianggap dijana melalui keterhinggaan perkataan yang menghasilkan ketidakterhinggaan ayat-ayat. Sebab itu, dalam sebuah kamus, dengan hanya puluhan atau ratusan ribu perkataan/entri, berupaya merakam sejarah penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat dari satu zaman ke zaman yang lainnya. Sebab itu juga, sering kedengaran anggapan terkenal bahawa dengan menguasai hanya 200 perkataan sahaja kita berupaya berkata-kata dalam bahasa itu dengan senang hatinya.

Penghasilan ketidakterhinggaan ayat-ayat adalah ciri khusus berkata-kata, atau berbahasa, manusia. Berhubung dengan hal ketidakterhinggaan itu, George Steiner antaranya, ada menyatakan bahawa manusia tidak pernah dan tidak akan pernah berkata-kata dengan ayat yang sama.² Kelihatannya, kenyataan Steiner ini berseberangan dengan irama dendengan Nietzsche ‘pengulangan semula peristiwa yang telah berlaku.’ Dari suatu sisi, Steiner benar. Kebenaran kenyataan beliau dapat dibuktikan sekurang-kurangnya dalam dua keadaan. Pertamanya, manusia berkata-kata, atau berbahasa, dalam masa dan ruang. Masa dan ruang, dalam perkataan lainnya, merujuk kepada keperihalalan keadaan (konteks). Masa menjawab pertanyaan ‘bila’. Ruang menjawab pertanyaan ‘di mana’. ‘Bila’ dan ‘di mana’ walaupun dipadankan dengan ungkapan ‘pada masa dan tempat yang sama,’ bukanlah bererti sesuatu sama.

¹ Noam Chomsky. 2003. *Cartesian Linguistic: A Chapter in the History of Rationalist Thought*. New York: Cybereditions Corp.

² George Steiner. 1998. *After Babel: Aspect of Language & Translation*. Edisi Ketiga. London: Oxford University Press.

Sifat masa adalah mengalir, seperti sungai. Air sungai yang mengalir tidak pernah mengulangi alirannya dalam sungai yang sama (walaupun ada yang mengatakan air sungai itu akan menjadi hujan dan turun dalam sungai yang sama untuk membuat aliran semula). Dengan nada yang sama, A. Samad Said ada mengungkapkan dalam sebuah sajak yang ertinya lebih kurang begini: ombak yang berulang-ulang menyentuh kaki ketika memijak pepasir di tepian pantai bukanlah ombak yang sama. Semangat yang diterbitkan sajak Pak Samad itu persis anggapan Hamzah Fansuri. Malah, lebih awal lagi, Heraclitus telah mencatat bahawa seseorang tidak turun ke dalam air sungai yang sama lebih daripada sekali. Alirannya, sungai dan ombak, tidak pernah sama walaupun alirannya tetap berulang. Persis sifat masa yang juga berulang, melalui titik yang sama setiap hari dalam putaran 24 jam, tetapi tidak pernah sama; sentiasa bergerak ke depan (memang, ada perbincangan lain pula tentang gerakan masa yang tidaklah berkaitan dengan isu yang dibicarakan dalam rencana ini).

Begitu juga ruang. Walaupun pada hari ini sepasang kekasih duduk berdua-duaan, menikmati remang-remang senja, di sebuah kerusi yang sama seperti semalam dan kelmarin, tetapi akan ada hal yang tidak sama, berubah. Barangkali yang berubah itu adalah debu-debu di celah-celah kerusi, daun-daun pokok bunga dalam pasu yang terletak di tiang bersebelahan dengan kerusi, keadaan langit yang diperhatikan dll. Ada perkara lain berkait dengan ketidaksamaan masa dan ruang ini. Ada yang mengatakan bahawa adil pada bahasa itu adalah dengan cara menggunakannya pada masa dan tempat yang betul;³ tempat di sini boleh disamakan dengan ruang. Ini harus diterima. Namun di samping penerimaan, harus ada pertanyaan lanjut. Disebabkan masa dan tempat tidak pernah sama, maka bagaimana kita tahu bahasa yang kita gunakan itu berada pada masa dan ruang betul? Bagaimana kita tahu yang 'betul' itu betul?

Masa dan ruang adalah unsur luaran bahasa. Ini dalam ertian bukan sebagai struktur bahasa. Tetapi, walaupun berstatus luaran, masa dan ruang tetap mempengaruhi ketidaksamaan dalam kegiatan berbahasa. Ertinya, disebabkan masa dan ruang tidak pernah sama, maka bahasa pun demikian juga, menjadi tidak pernah sama. Unsur dalaman pula, dan ini menyentuh mengenai keadaan kedua, mencakupi alat ujaran dan nilai bunyi-bunyi yang keluar darinya. Titik artikulasi untuk mengujarkan bunyi /p/ pada hari kelmarin misalnya tidak sama dengan hari semalam dan hari ini. Pasti ada perubahan titik artikulasinya. Memang, bunyi /p/ tetap sama sahaja dari segi namanya, iaitu bunyi letupan dua bibir bersuara. Nama ini akan sampai bila-bila pun jikalau tidak terjadi perubahan mutlak atau/dan keinginan para bahasawan untuk menukarnya. Perubahan titik artikulasi yang dimaksudkan bukanlah perubahan mutlak yang merubah keseluruhan ciri pembeza bunyi itu, tetapi perubahannya melibatkan perbezaan nilai bunyi sahaja.

Sungguh, manusia dan berkata-kata, atau berbahasa, adalah dua buah kata yang akrab—sebuah keakraban yang tiada berjarak. Ini barangkalinya tepat diekspresikan sebagaimana simpulan bahasa, isi dan kuku, isi dan kulit. Namun, sembari menerima kenyataan ini, dan sememangnya ia adalah sebuah fakta (bukankah fakta juga tidak kalis pertanyaan?), harus ada pertanyaan lanjut. Bagaimana hubungan manusia dengan bahasa? Kenyataan di atas menggunakan kata 'akrab', ditambah dengan frasa 'tiada berjarak.' Persoalannya, bagaimana 'akrab' dan 'tiada berjarak' itu? Berturut-turut, persoalan itu diekori

³ Abdul Latif Samian. 2012. *Memetakan Metamatematik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

rapat oleh dua persoalan tambahan: i) apakah manusia dan bahasa merupakan dua entiti yang terpisah?; dan, kebalikannya, ii) apakah manusia dan bahasa merupakan dua entiti yang tidak terpisah? Dua persoalan terakhir itu berada di dua kutub, yang satu berseberangan dengan yang satu lagi, tetapi tetap sahaja berkait dengan persoalan 'akrab' dan 'tiada berjarak' di atas. Rencana yang ditulis ini mencuba untuk merungkai misteri persoalan itu. Namun, perungkaian yang dipaparkan bukanlah suatu hidangan yang segar melainkan sebuah tolehan dalam upayanya menjelaskan letak-duduk isu dan kesendengan yang wajar dititik-beratkan oleh para bahasawan terutamanya.

II

Persoalan mengenai hubungan manusia dengan bahasa berkaca pada hubungan bahasa dengan fikiran atau kesedaran. "*Cogito ergo sum*," aku fikir/sedar, maka aku wujud, demikian kata Rene Descartes. Sebuah diktum klasik yang memisahkan falsafah kepada dua zaman. Dengan kata lain, manusia, aku, adalah makhluk yang berfikir dan sedar. Berfikir dan sedar tentang dirinya dan apa-apa yang diluarnya menandakan manusia/aku itu wujud; saya sedar bahawa saya sedang menekan papan kekunci lap-top, maka saya sedar yang saya wujud. Walaupun diktum Descartes memang dikritik hebat, antara yang paling mendasar, kalau mengikut Budi Hardiman, oleh Martin Heidegger dalam *Sein und Zeit* (Inggeris: *Being and Time*; Melayu: *Ada dan Waktu*).⁴ Kritikan itu disebabkan keterarahan Descartes yang melampau kepada subjek sehingga mendiskriminasi objek; dikotomi subjek-objek. Namun, fakta bahawa manusia/aku yang berfikir tetap tinggal sebagai suatu fakta, justeru tetap akan dilihat sebagai yang autentik. Manusia yang berfikir bukan sekadar bernoktah pada tahap pemikiran yang tentunya sangat abstrak dan konseptual, tetapi menzahirkan apa-apa yang ada dalam fikirannya. Penzahiran itu adalah melalui bahasa.

Memang, sejak zaman Yunani lagi, ada perbincangan panjang mengenai fikiran dan bahasa. Ia berlegar-legar sekitar hubungan tiga serangkai, konsep/idea–bahasa–rujukan/objek. Secara umum, hubungan ketiga-tiganya dapat dijelaskan begini. Manusia, dengan keupayaan pancainderanya, mempersepsi yang maujud di luar dirinya/subjek. Hasil cerapan itu membuah pengertian akan yang maujud, lalu daripadanya dibentuk konsep-konsep abstrak yang tertanam dalam akal-budi. Desakan untuk menzahirkannya muncul disebabkan, dalam nada Saussurean, sosialisasi lingkungan.⁵ Penzahiran konsep-konsep memerlukan wahana perantaraan, maka bahasalah yang memainkan fungsinya. Ertinya, bahasalah yang menghubungkan konsep dan rujukan. Begitu gambaran umum hubungan tiga serangkai konsep–bahasa–rujukan, walaupun dari segi rinciannya tidak semudah itu yang seperti melaporkan peristiwa di dada-dada akhbar. Hal yang tidak dinafikan, jikalau ingin mengelih sedikit isunya, bahawa konsep dan bahasa ada masalahnya tersendiri yang lebih rumit. Seperti kata Richard Rorty,⁶ rujukan/objek tetap sahaja begitu, seadanya. Yang menjadi masalah adalah kenyataan (realiti) konsep

⁴ F. Budi Hardiman. 2008. *Heidegger dan Mistik Keseharian: Suatu Pengantar Menuju Sein und Zeit*. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.

⁵ Ferdinand de Saussure. 2009. *Course of General Linguistic*. Terj. Roy Harris. Illinois: Open Court; *Pengantar Linguistik Umum*. Terj. . Yogyakarta: Universiti Gajah Mada Press.

⁶ Richard Rorty. 1989. *Contingency, Irony, and Solidarity*. London: Cambridge University Press.

yang muncul dalam akal-budi itu, dan bahasa yang menjadi wahana pengungkapannya yang membolehkan penafsiran konsep oleh yang lain.

III

Bahasa sebagai wahana, alat, kendaraan yang menghubungkan konsep-konsep abstrak dengan rujukannya secara tidak langsung menayangkan pula suatu anggapan lain: manusia berfikir dengan perantara bahasa. Anggapan ini perlu diikuti dengan pertanyaan mengenai status kebenarannya. Justeru, pertanyaan sebegini memerlukan penjelasan. Seperti yang dijelaskan di atas, manusia berfikir dan membentuk konsep-konsep berdasarkan cerapannya. Namun, apakah bentuk atau imej konsep-konsep itu? Mungkinkah yang terbentuk bukanlah konsep-konsep dalam ertian imej-imej/gambar-gambar/bayangan-bayangan, tetapi yang terbentuk adalah perkataan-perkataan yang mewakili konsep-konsep itu? Bayangkan kita memerhatikan alam yang beragam dengan flora dan fauna. Keragaman alam terjelma dalam akal-budi kita. Tetapi, ada satu yang menarik daya cerapan kita, iaitu pokok-pokok. Kita kagum melihat variasi bentuknya, tingginya, buahnya, bunganya. Ada pokok durian, pokok rambutan, pokok bunga cempaka dll. Lalu, dari keragaman alam, akal-budi kita menangkap keragaman pokok. Persoalannya, apakah yang sebenarnya muncul dalam akal-budi, imej 'pokok-pokok' atau perkataan /pokok/?

Untuk menelusuri persoalan ini dengan lebih dekat, perlu dijenguk bukti empirikal. Justeru, kes bayi dengan orang dewasa boleh menuntun perbincangan. Bayi mencerap yang maujud di sekelilingnya secara aktif; lihat sahaja matanya yang melilau ke sana-sini, mencari-cari dan memerhati. Cerapannya tetap aktif walaupun masih belum menguasai bahasa. Dalam kes bayi, suatu kepastian boleh diperoleh mengenai persoalan yang dibincangkan di sini. Para psikolinguis misalnya ada memberikan buktinya, iaitu, perilaku bayi yang menyamakan semua benda berbentuk bulat sebagai bola, semua haiwan sebagai kucing, semua permintaan diasosiasikan dengan tangisan dll. Namun, tidak demikian dalam kes orang dewasa. Orang dewasa memang telah menguasai bahasa (walaupun ada kes-kes tertentu yang menyanggah fakta ini). Penglibatan bahasa menyebabkan isu ini menjadi lebih rumit. Bahasa menamakan benda-benda; ini mengingatkan kita kepada peristiwa yang terjadi kepada Nabi Adam a.s. Setiap yang maujud mendapat nama-nama dalam bentuk bunyi-bunyi dan huruf-huruf (setelah terciptanya sistem tulisan), sesuai dengan ijmak/konvensi penuturnya. 'Pokok' misalnya dinamakan sebagai [p] [o] [k] [o] [k], dan dieja sebagai /pokok/. Dengan demikian, huruf-huruf yang digabungkan untuk membentuk perkataan yang ada rujukannya seolah-olah sudah menjadi semacam ontologi kepada pokok, bukan lagi imej pokok seperti dalam kes bayi.

Contoh pokok yang diberikan di atas ada membayangkan bahawa manusia berfikir dengan bahasa. Justeru, kebalikannya, tanpa bahasa tidak akan terjadi kegiatan berfikir. Barangkali contoh perlu dilanjutkan supaya letak-duduk kenyataan ini menjadi lebih jelas. Bayangkan kita berfikir tentang sesuatu. Katakanlah yang difikirkan itu adalah hal yang dibicarakan di sini, dalam rencana ini. Apa-apa yang difikir mengeniannya kita perturunkan ke dalam bentuk tulisan sepersis rencana yang ditatap. Ada huruf (konsonan, vokal, diftong), ada perkataan (morfem bebas dan terikat), ada frasa dan ayat, ada

wacana. Dan semua itu untuk menyampaikan makna yang bergelora dalam akal-budi. Walau bagaimanapun, tumpuan tidak seharusnya berhenti pada deretan tulisan yang tersusun kemas itu, tetapi harus menoleh kepada perkara yang terjadi sebelum munculnya tulisan. Memang sulit untuk memikirkannya. Namun, kesulitan itu boleh dilenturkan sedikit dengan cara menanyakan persoalan begini: bagaimana mungkin berlakunya kegiatan berfikir tanpa melibatkan perkataan-perkataan yang apabila digabung akan membentuk ayat-ayat bermakna? Kelihatannya adalah mustahil. Sebabnya, kini, bahasa memang diasosiasikan dengan huruf. Dengan kata lain, bahasa tulisan. Inilah yang diajar di sekolah-sekolah pun. Justeru, tahu bahasa berarti tahu bahasa tulisan. Hegemoni huruf-huruf yang melahirkan tulisan menjadikan proses berfikir memerlukan bahasa dalam erti ber lambang. Sulit untuk membayangkan bagaimana manusia berfikir tanpa bahasa. Jikalau kita berjumpa dengan sesuatu yang tidak dikenal, kita hanya menangkap bentuk dan ciri-cirinya sambil melontarkan pertanyaan bertubi-tubi, “apakah ini?”, “apakah ini?”, “apakah ini?”

IV

Tetapi, perlu dilihat pula kes yang lain. Jikalau dikatakan manusia berfikir dengan bahasa yang melibatkan pembentukan imej huruf-huruf dalam akal-budi bagi mewakili konsep-konsep, maka bagaimana pula dengan manusia yang tidak boleh bercakap, tidak boleh melihat dan tidak boleh mendengar, atau secara ringkasnya autisme? Bagaimana manusia ini berfikir? Pertanyaan ini mengingatkan saya kepada watak utama dalam filem adaptasi *Biola Tak Berdawai*, Dewa. Dewa, seorang kanak-kanak autisme, tetapi beruntung hidup. Dirinya memperlihatkan kemahuan kuat untuk mengerti denai-denai hidup—sebuah kemahuan yang memberi gambaran mengenai daya pemikiran dan imajinasinya. Keupayaan Dewa, walaupun sekadar watak ciptaan pengarang dan pengarahnya, walaupun sekadar hidup dalam deretan kata sebuah novel dan dalam ruang asing (filem), menyebabkan kenyataan manusia berfikir dengan bahasa mulai tercabar. Dengan Dewa dan bayi-bayi lainnya, kita berupaya memperbaharui kenyataan di atas. Manusia tidak semutlaknya berfikir dengan bahasa. Manusia juga berupaya berfikir tanpa bahasa. Tetapi, benarkah berfikir tanpa bahasa hanya sebatas bayi? Bayi memang berfikir tanpa bahasa disebabkan tahap penguasaan bahasanya. Bagaimana dengan orang dewasa yang sudah pun menguasai bahasa, apakah mereka juga dapat berfikir tanpa bahasa?—bahasa di sini menyamai maksud di atas, huruf-huruf dan tulisan.

Untuk menelusuri persoalan ini, perlu berpangkal pada tabii bahasa. Bahasa, memang fungsi asasinya untuk menzhahirkan pemikiran penuturnya. Namun, dalam melaksanakan fungsi asasi itu, bahasa ada batasannya, iaitu ketidakupayaannya menzhahirkan pemikiran sepercis yang terdapat dalam akal-budi. Fikir tidak serupa cakap, atau *differend* dalam bahasa Jean-Francois Lyotard.⁷ Yang maujud A diungkapkan dengan A₂. Rasa manis, rasa nescafe tarik, rasa nyaman ditiup bayu laut yang mengembang rambut ikal mayang, rasa merdu alunan suara dan irama lagu *Mustika*, oleh M. Nasir, atau *Nyanyian Serambi*, oleh Ramli Sarip, tidak dapat diungkapkan dengan bahasa sepersis rasa sebenar yang dialami oleh si pengalami. Jikalau pun diungkap, diceritakan kepada orang lain, tetap juga tidak

⁷ Jean-Francois Lyotard. 1988. *Differend*. Terj. Georges Van Den Abbeele. Minneapolis: Minesota University Press.

menepati seperti yang dialami. Sekali lagi Steiner dalam *The Poetry of Thought* ada membawakan isu sebegini dengan panjang lebar.⁸ Barangkali, elok juga meranau ke dalamnya.

Karya Steiner bermula dengan nukilan-nukilan daripada Jean-Paul Satre, Jean-Luc Nancy, Louis Althusser dan Ludwig Wittgenstein. Walaupun ada deretan nama ilmuwan besar, tetapi semua nukilan itu mengarah kepada satu hal: bahasa adalah metafora kepada makna sebenar. Steiner meneruskan karyanya dengan mengelih kepada muzik. Muzik, menurut beliau, sama seperti contoh-contoh yang disenaraikan di atas, hanya dapat dialami tetapi tidak dapat diungkapkan sepersis yang dialami dalam bahasa, lisan atau tulisan. Walaupun ada simbol-simbol yang digunakan untuk menggambarkan secara bertulis perjalanan, nada, melodi, rhytm muzik itu, katakan sebuah lagu M. Nasir. Namun, simbol-simbol itu tidak dinikmati dengan membacanya seperti kenikmatan membaca buku. Kenikmatan melodinya, iramanya hanya muncul setelah simbol-simbol itu dibaca bersama-sama dengan alat-alat muziknya (gitar, deram, rebana, gamelan, seruling dll.). Apa-apa yang dicerap oleh pancaindera sebenarnya kekal tidak terungkap dalam bahasa sepersisnya. Justeru kekal sebagai konsep-konsep, pengertian, dan rasa, dalam akal-budi yang sangat peribadi sifatnya.

Dengan metafora membuktikan keterbatasan bahasa manusia. Bahasa gagal menjadi wahana, kenderaan, alat atau jambatan untuk menghubungkan konsep dengan rujukan. Kegagalan ini, tidak seperti anggapan yang dibincangkan pada bahagian III, juga dapat menjadi bukti bahawa manusia juga boleh berfikir tanpa melibatkan bahasa.

V

Dua sub-bahagian terakhir di atas membayangkan dua keadaan hubungan manusia sebagai penutur dengan bahasanya. Keadaan hubungan yang dimaksudkan berkisar-kitar dalam dua persoalan yang dinyatakan dalam sub-bahagian pada awa-awal rencana ini, iaitu adakah manusia dan bahasa merupakan dua entiti yang tidak terpisah atau sebaliknya merupakan entiti yang terpisah. Sub-bahagian ini akan menelusuri persoalan ini dengan lebih dekat lagi.

Sebelum menetapkan kesendengan, jikalau ada, terhadap salah satu daripada kedua-dua persoalan, perbincangan mengenai isu yang dibangkitkan dalam sub-bahagian III dan IV perlu dilanjutkan lagi. Secara tersiratnya perbincangan di sana menyentuh mengenai tahap-tahap bahasa. Melalui tahap-tahap bahasa inilah dapat ditelusuri kedekatan atau kejauhan hubungan manusia dengan bahasanya. Dalam hal ini, bahasa pada umumnya memiliki empat tahap: pra-lisan dan tulisan, lisan, tulisan, melampaui lisan dan tulisan. Keempat-empat tahap yang membina bahasa itu memang menayangkan tabii bahasa manusia. Tabii ini mencakupi dimensi kesejarahannya yang terikat dalam masa dan ruang. Ertinya, keempat-empat tahap yang berurutan itu mengandungi penayangan perkembangan kebudayaan manusia yang menuturkan bahasa tertentu daripada kebudayaan primitif kepada kebudayaan yang beradab/bertamadun/berperadaban/berbudaya. Tahap pra-lisan dan tulisan adalah tahap yang paling awal, kemudian lisan. Kedua-dua tahap ini lazimnya, seperti anggapan ramai

⁸ George Steiner. 2011. *The Poetry of Thought: From Hellenism to Celan*. New York: A New Directions Book.

ahli kaji masyarakat, merujuk kepada kebudayaan primitif; kononnya, keberaksaraan adalah ciri-ciri masyarakat bertamaddun; kononnya, penciptaan tulisan adalah pencapaian terhebat tamaddun manusia. Seterusnya tahap tulisan, dan akhirnya melampaui lisan dan tulisan yang digelar Bernard Stiegler sebagai tahap terakhir bahasa manusia.⁹ Kedua-dua tahap terakhir ini, disebabkan andaian itu tadi, secara tidak langsung merujuk kepada masyarakat yang telah pun bertamaddun.

Perkembangan secara bertahap seperti itu memang dapat diterima. Memang ada bukti-bukti mengenainya. Renungkan sahaja sejarah manusia, pasti akan bersua dengan bukti-bukti itu. Namun, untuk menelusuri hubungan manusia dengan bahasanya tidak sekadar bernoktah pada perkembangan secara bertahap dalam suatu keseluruhan (totalitas) kebudayaan manusia. Tetapi, harus singgah pada tatanan peribadi/individu. Daripada tatanan peribadi, berupaya pula menyangkan tatanan peribadi-peribadi dalam suatu keseluruhan; suatu tatacara induktif. Dengan melihat kepada diri peribadi, kita tidak akan bertemu dengan perkembangan secara bertahap dalam erti mencakupi keempat-empatnya secara berturutan. Untuk tiga tahap yang awal, pra-lisan dan tulisan, lisan, dan tulisan, memang ada; bayi yang baru lahir berada pada tahap pra-lisan dan tulisan, kemudian lisan, akhirnya tulisan. Namun, untuk tahap keempat, melampaui lisan dan tulisan, halnya lebih rumit. Ini kerana tahap keempat bukan sahaja melibatkan manusia sebagai penutur dan bahasa yang dipakainya sebagai seorang peribadi, tetapi turut melibatkan suatu keseluruhan dan, menurut Stiegler lagi, unsur-unsur teknik/*techne* (komputer, mesin dll.) yang berada di luar manusia.¹⁰

Dari sisi lain, perkembangan secara bertahap bererti perubahan dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Perubahan seperti ini bukan bererti pemutusan dengan tahap yang sebelumnya; tidak ada sela antara generasi (*generation gap*) dalam bahasa al-Attas, dalam erti tidak ada sebuah lompong yang tidak terisikan.¹¹ Semua tahap berada dalam suatu rangkaian. Jadi, tidak ada pemutusan. Semuanya sambung-menyambung. Keberadaannya dalam suatu rangkaian membolehkannya dilihat secara menegak atau mendatar. Melihat secara menegak bererti penayangan dimensi kesejarahan sebagai suatu keseluruhan (termasuk diri peribadi dan diri kolektif/masyarakat). Melihat secara mendatar pula bererti penayangan tabii bahasa tanpa dimensi kesejarahan (dalam erti perkembangan mengikut zaman), tetapi sesuatu yang sejadi dengan diri manusia. Di sinilah terbayang kesempurnaan bahasa manusia; sempurna secara menegak dan mendatar; tidak ada bahasa yang tidak sempurna kerana sifatnya yang khusus kebudayaan itu. Bahasa sebagai suatu keseluruhan dan sebagai sesuatu yang sejadi bererti dalam diri peribadi dan peribadi kolektif terdapat penguasaan keempat-empat tahap sekali gus. Bayangkan diri saya yang sedang menulis rencana ini: pertama, saya ada tahap pra-lisan dan tulisan (bahasa hati dan fikiran), saya ada tahap lisan (berkata-kata sendirian), saya ada tahap tulisan yang membolehkan bahasa pra-lisan dan tulisan serta bahasa lisan dijelmakan ke dalam tulisan, dan saya ada tahap melampaui lisan dan tulisan, iaitu ketika saya mengadap komputer, menaip perkataan demi perkataan yang dijelmakan oleh bahasa pada tahap-tahap sebelumnya.

Kenyataan di atas mengimplikasikan bahawa manusia dan bahasa adalah dua entiti yang tidak terpisah. Sesuaiilah dengan penggunaan kata 'akrab' dan 'tiada berjarak' yang dipakai sebelum ini.

⁹ Bernard Stiegler. 1998. *Technic and Time, 1: The Fault of Epimetheus*. Stanford: Stanford University Press.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Bermula dengan bahasa hati (pra-lisan dan tulisan), dizahirkan melalui bunyi (lisan) dan huruf-huruf (tulisan), seterusnya melampaui bunyi-bunyi dan huruf-huruf (bahasa dalam talian yang tidak mewartu dan meruang). Keadaan ini memang terjadi pada peribadi-peribadi yang berbahasa. Namun, apakah benar demikian? Jikalau direnung keempat-empat tahap bahasa itu dengan mendalam, dua hal akan muncul. Pertama, tahap yang benar-benar menetap pada manusia—menetap dalam ertian sejadi dengan manusia. Yang ini merujuk kepada dua tahap pertama, pra-lisan dan tulisan, serta lisan. Kedua, tahap yang tidak menetap, tidak sejadi, tetapi muncul kemudian setelah adanya tuntutan hidup dan keupayaan intelek manusia. Yang ini pula merujuk kepada dua tahap terakhir, tulisan dan melampaui lisan dan tulisan.

Yang pertama sesuai diteropong dengan teropong yang dipakai, sekurang-kurangnya, dalam dua tradisi, Cartesian dan Heideggerian. Tradisi Cartesian dengan diktum “aku fikir, maka aku wujud” melihat bahasa akal disebabkan manusia adalah makhluk rasional, makhluk berfikir, makhluk berkata-kata dalam bahasa yang biasanya mematuhi aturan sebab-akibat/aturan logis.¹² Tradisi Heideggerian dengan diktum “bahasa adalah rumah Ada,” justeru, “Ada berumah dalam bahasa.”¹³ Memang, antara berfikir (Cartesian) yang secara nyata merujuk kepada akal/*rasio* berbeza dengan Ada (Heideggerian) yang tidak ada rujukan konkritnya. Tetapi, ada yang menyamakan Ada dengan jiwa justeru menyamakan diktum “bahasa adalah rumah Ada” dengan “bahasa jiwa bangsa.”¹⁴ Ada dan jiwa tidak sama. Ada tidak dapat ditakrifkan. Ada hanya dapat diperikan. Salah satu pisau pemerianya adalah melalui bahasa justeru melalui bahasalah Ada menampakkan dirinya. Demikian, tradisi Cartesian dan Heideggerian, dua buah tradisi yang bertolak dari titik yang tidak sama. Cartesian bertolak dari kesedaran/berfikir. Heideggerian bertolak dari Ada. Walaupun berbeza, dua buah tradisi ini menyatu pada satu titik. Bahawa, bahasa menetap dalam diri manusia, akal dan Ada. Jadi, manusia dan bahasa adalah dua entiti yang tidak terpisah.

Yang kedua adalah tahap bahasa yang muncul kemudian. Kemunculannya dapat dilihat dari dua keadaan, menegak dan mendatar. Dari sisi menegak, kita dapat melihat bahawa tahap tulisan dan tahap melampaui lisan dan tulisan hanya muncul kemudian setelah tahap pra-lisan dan tulisan serta tahap lisan seperti proses evolusi sesebuah masyarakat. Tahap tulisan muncul, seperti yang disebut di atas, disebabkan tuntutan tertentu, seperti merekod, dan keupayaan intelek, seperti mencipta lambang-lambang untuk mewakili bunyi-bunyi bahasa. Dari sisi mendatar pula, pemerolehan dua tahap terakhir itu, walaupun masih lagi secara bertahap, adalah dengan cara pembelajaran. Jadi, disebabkan sifatnya hanya sebagai perwakilan konkrit kepada bahasa dalam dua tahap terawal, maka sistem tulisan adalah suatu ruang yang lain daripada manusia; suatu ruang yang tidak menetap dalam diri manusia, atau dalam nuansa diktum Heideggerian, Ada tidak berumah di dalamnya.

VI

¹² Noam Chomsky. 2003. *Cartesian Linguistic: A Chapter in the History of Rationalist Thought*. New York: Cybereditions Corp

¹³ George Steiner. 1989. *Martin Heidegger*. Chicago: Chicago University Press.

¹⁴ Shaharir Mohammad Zain. 2012. *Ilmu Malayonesia: Telah, Lani dan Kelak*. Makalah yang dibentangkan dalam Siri Wacana Keterlestarian Ilmu di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 12 Mac 2012.

Perbincangan di atas menetapkan dua kesimpulan. Tahap pra-lisan dan tulisan serta tahap lisan tidak terpisah dengan manusia. Tahap tulisan dan tahap yang melampaui lisan dan tulisan adalah terpisah dengan manusia. Kita selanjutnya harus menambah satu lagi pertanyaan. Antara kesimpulan itu, yang manakah bahasa paling autentik untuk manusia? Tentu, tahap bahasa dalam kesimpulan pertama. Mengapa? Kerana, bahasa itulah yang menayangkan bagaimana akal bekerja, dan dengan bahasa itulah juga manusia menjadi makhluk penanya Adanya. Dengan bahasa pada tahap itu membolehkan Ada berumah di dalamnya.

Bagaimana dengan bahasa pada dua tahap terakhir? Bahasa pada tahap itu tidak autentik disebabkan hal-hal seperti berikut. Pertama, jikalau mengikut Stiegler,¹⁵ ia adalah teknik/*technic*, justeru ia adalah ciptaan/rekaan. Maka itu, keduanya, dengan menuruti Plato, ia adalah *pharmakon*. Stiegler melanjutkan konsep *pharmakon* ini kepada bahasa pada tahap melampaui lisan dan tulisan. Teknik dalam nuansa Stieglerian itu bererti bahasa tulisan dan bahasa yang melampaui lisan dan tulisan adalah perkembangan kemudian. Bukan bahasa yang sejadi, atau sebangun, dengan manusia. Bahasa yang dikaitkan dengan teknik boleh menjadi *pharmakon*, madu dan sekali gus racun. Madu, ia membantu manusia, misalnya dalam merekodkan sesuatu, menjadikan sesuatu yang direkod itu lebih kekal. Racun, di samping tujuannya merekodkan sesuatu dengan lebih kekal, ia secara perlahan-lahan menyusutkan kekuatan ingatan. Dalam kes bahasa pada tahap tulisan, kita sudah tidak lagi menemui pemantun dan panglipur lara yang hebat-hebat seperti yang kerap kita dengar muncul dalam tradisi lisan suatu ketika dahulu. Dalam kes bahasa dalam talian, atau dengan kata lain bahasa dalam mesin-mesin, disebabkan semua nombor telefon disimpan dalam ingatan telefon bimbit, maka kita sudah tidak lagi mengingat nombor-nombor itu. Penyusutan ingatan akibat teknik yang lebih parahnya, menurut Stiegler lagi, akan mewujudkan proses pendindingan (*exterioration*), dan kelupaan, terhadap yang silam.¹⁶

Tidak dinafikan yang kedua-dua kesendengan ada kritiknya. Kesendengan yang pertama, terhadap kedua-dua tahap awal, dikritik hebat, misalnya oleh Jacques Derrida.¹⁷ Kedua-dua tahap awal, pada Derrida, terlalu bersifat fonosentrik dan logosentrik, hanya ada sebuah pusat Kebenaran, yakni subjek/aku/peribadi yang berbahasa.¹⁸ Ketika subjek berbahasa, kehadirannya dimanifestasikan melalui bunyi-bunyi yang keluar dari alat ujarannya. Ketika ujaran yang berupa bunyi-bunyi dihasilkan, ia turut disertai oleh rangsangan-rangsangan lain seperti mimik muka, nada suara, gerak badan dan lirikan mata. Gabungan bunyi-bunyi ujaran dengan rangsangan-rangsangan itu menandakan sebuah keadaan mutlak yang turut meletakkan subjek, waktu, ruang, suara, makna atau Kebenaran dalam suatu kesatuan. Pada keadaan tersebut, suara menjadi penanda makna dan gagasan yang merupakan manifestasi langsung antara fikiran dan fizikal, badan dan jiwa, empirik dan transenden.¹⁹ Disebabkan sifat fonosentrik dan logosentrik yang ada pada kedua-dua tahap bahasa, Derrida beranjak setepak lalu berhenti pada bahasa tulisan, bahasa tahap ketiga. Bahasa tulisan bebas daripada sifat fonosentrik dan logosentrik. Tidak ada satu pusat Kebenaran, semua berhujung pada pentafsiran.

¹⁵ Bernard Stiegler. 1998. *Technics and Time, 1: The Fault of Ephyraeus*. Stanford: Stanford University Press.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Muhammad al-Fayyadl. 2005. *Derrida*. Jakarta: Penerbit LKiS.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid.

Kita, manusia, walaupun berupa entiti yang tidak terpisah dengan bahasa, adakalanya tersesat dalam bahasa lisan dan lebih-lebih lagi bahasa tulisan. Kita seringkali meminta orang yang berkata sesuatu kepada kita agar mengulang semula kata-kata itu. Pengulangan itu tiada lain daripada menginginkan ketepatan dalam memahami maknanya yang cuba disampaikan olehnya. Dalam bahasa lisan, masalah ketersesatan tidak begitu rumit. Kehadiran subjek berupaya menjadi penjelas kepada makna. Keadaan sebenarnya agak rumit dalam bahasa tulisan. Ditambah pula tanpa kehadiran pengarang—tidak ada pengarang, pengarang telah mati. Makna yang diinginkan tergantung pada pentafsiran. Tetapi, dalam banyak keadaan pentafsiran yang dilakukan adakalanya tidak tiba pada makna. Misalnya, dalam bahasa metafora atau bahasa figuratif yang maknanya tidak bersifat langsung. Selain itu, ketersesatan dalam tulisan turut terkait dengan sifat tulisan juga. Ada huruf-huruf tertentu yang tidak mewakili bunyi-bunyi yang sebenar seperti yang dituturkan. Misalnya dalam bahasa Melayu terdapat dua vokal /e/; satu /e/ tanda dan satu lagi /e/ biasa. Kedua-dua bunyinya berbeza, tetapi dilambangkan sebagai satu. Kesannya, sukar untuk membezakan [perang] kata sifat dengan [perang] kata nama. Melainkan, kedua-dua kata itu dihubungkan dengan konteks dalam masa dan ruangnya. Begitu juga dengan huruf /i/ dan /u/ dalam perkataan-perkataan tertentu. Sebutan ijmaknya dalam perkataan-perkataan itu bukan sebagai [i] dan [u], tetapi sebagai [e] dan [o]. Dilihat daripada keterbatasan-keterbatasan ini, maka kesimpulan pertama yang dipengangi di atas, dari segi bahasanya, tetap absah.

Rencana yang masih bertaraf deraf awal ini dibentangkan dalam Seminar Ilmuwan Muda, anjuran ASASI, pada 9 September 2012, di Puri Pujangga, UKM.